



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Pengarah Kesihatan Kedah, Dr. Mohd Fikri Ujang **menafikan** dakwaan bahawa Jabatan Kesihatan Negeri Kedah (JKNK) sedang berusaha mengesan pelanggan-pelanggan yang datang membeli-belah di dua buah pasar raya terkemuka di Alor Setar yang telah dikunjungi oleh pelajar UUM yang positif COVID-19. Beliau **menegaskan** siasatan mendapati pelajar terbabit tidak mengunjungi dua pasar raya berkenaan dalam tempoh PKP.
2. Ketua Polis Daerah Dungun, Terengganu, Superintendan Baharudin Abdullah **menafikan** dakwaan 'Siska Kirana' telah diberi layanan istimewa untuk pulang ke kampung kerana ada 'kabel' seperti yang tular di media sosial. Beliau **menjelaskan** kelulusan diberikan kepada wanita berkenaan untuk melakukan perjalanan rentas negeri dari Dungun ke Putrajaya pada hujung April lalu untuk membantunya menyelesaikan urusan taskanya di Putrajaya yang telah dipecah masuk. Wanita berkenaan juga telah diberi kebenaran untuk balik semula kerana beliau meninggalkan anaknya di Dungun.

Pasukan Respons Pantas
KKMM
23 Mei 2020 | 10.30 Pagi

